

Maksimum penggunaan akal untuk bina tamadun

Oleh Norazmina Abdul Aziz

Akal berasal daripada perkataan Arab (aq) bererti pengikatan dan pemahaman terhadap sesuatu.

Pengertian akal juga adalah daya fikir (untuk memahami sesuatu), kemampuan melihat cara memahami lingkungan atau dengan kata lain fikiran dan ingatan. Ia suatu keistimewaan yang amat besar dan berharga dianugerahkan oleh Allah.

Jadi, akal boleh didefinisikan sebagai satu alat rohaniah manusia yang berfungsi untuk mengingat, menyimpulkan, menganalisis serta menilai apakah sesuatu itu benar atau salah.

Kita tidak dapat menafikan kewujudan akal, peranan dan kewibawaannya

dalam kehidupan manusia.

Malah, harus diakui Allah menjadikan akal sebagai dasar utama bagi manusia menerima tanggungjawab (taklif) serta menjadikannya alat, petunjuk kebenaran serta asas merancang dan melaksanakan sesuatu aktiviti dengan betul dan berkesan.

Kita perlu mengetahui hukum akal bahawa ia satu sifat yang Allah SWT jadikan pada manusia.

Allah meletakkan pada otak manusia dengan segala ciri yang istimewa. Dengan adanya sifat ini, manusia berbeza dengan makhluk lain seperti haiwan. Dengan adanya akal, manusia menjadi mulia dibandingkan dengan makhluk lain di muka bumi Allah ini.

Ibnu Khaldun bersetuju akal fikiran (quwwah na-

tiqah) membezakan antara manusia dengan makhluk lain.

Dengan adanya akal, manusia boleh mencorak pembangunan, membina kemajuan dan melahirkan kehidupan bertamadun.

Sebaliknya haiwan yang tidak dibekalkan akal tidak boleh meningkatkan cara hidupnya. Waktu dan zaman silih berganti, kehidupan haiwan tetap sama, namun manusia mempunyai tamadun dan kemajuan yang berbeza-beza.

Cara hidup haiwan mengikut tabiat semula jadi, dari awal ia diciptakan Tuhan Yang Maha Kuasa.

Justeru, akal begitu penting kepada manusia, malah mempunyai peranan cukup utama meletakkan kemuliaan manusia itu sendiri.

Oleh sebab itu, Allah me-

ingatkan kita menerusi al-Quran mengenai peranan akal, sebagaimana diterangkan pada ayat 70, surah al-Isra, maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami memuliakan anak Adam, Kami beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang Kami ciptakan."

Dalam nas berkenaan Allah menyatakan kepada kita bahawa anak cucu Nabi Adam AS iaitu manusia diberikan dengan pelbagai kelebihan berbanding makhluk-Nya yang lain.

Manusia dibekalkan dengan akal hingga Allah menyerahkan daratan dan laut untuk dikuasai mereka.

Dengan potensi akal ma-

nusia dapat membawa keluar khazanah di dasar laut seperti mutiara, minyak dan bahan galian lain yang bernilai tinggi. Malah, kelebihan akal juga membolehkan manusia menguasai angkasa lepas.

Namun, sayangnya pencapaian itu diterajui orang bukan Islam. Sepatutnya orang Islam tidak ketinggalan kerana gesaan untuk memaksimumkan penggunaan akal atau daya fikir sudah jelas dinyatakan.

Rasulullah SAW dalam satu hadis daripada Ibnu Hibban bersabda, mafhumnya: "Berpikir sesaat lebih baik daripada beribadat setahun."

Dalam satu kisah, Abu Sa'id al-Khudri menyampaikan sabda Rasulullah yang bermaksud: "Berilah hak matamu di bidang ibadat!"

"Sahabat bertanya: 'Apakah hak mata di bidang ibadat itu wahai Rasulullah?' Jawab Rasulullah: 'Membaca al-Quran, memikirkan isinya dan mengambil pengajaran keajaiban kandungannya.'"

Imam al-Ghazali menyifatkan akal fikiran sebagai sumber, tempat terbit dan asas ilmu. Ilmu pula apabila dinisbahkan kepada akal ibarat buah kepada pokok, cahaya kepada matahari, pandangan kepada mata.

Wahab bin Munabih berkata: "Semakin tajam seseorang itu berfikir, semakin berilmulah dia dan apabila dia berilmu, semakin banyaklah amalannya."

Penulis penuntut Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia